

MESYUARAT BAGI PROGRAM LAWATAN KERJA KETUA PENGARAH JABATAN ALAM SEKITAR KE KOMPLEKS PUSAT KECEMERLANGAN PENGURUSAN BAHAN BERBAHAYA DAN INDUSTRI HIJAU, TABOH NANING MELAKA

27 OGOS 2021, MELAKA - Mesyuarat dipengerusikan oleh Tuan Rosli bin Haji Osman, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka dan dihadiri oleh Ketua-ketua Bahagian, Ketua-Ketua Unit, Ketua Cawangan Taboh Naning serta pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar Negeri Melaka.

Tujuan mesyuarat diadakan adalah bagi membincangkan susun atur acara majlis, jawatankuasa program, kos-kos yang terlibat dan hal-hal lain yang berkaitan. Pelbagai aktiviti dicadangkan bersempena sambutan Hari Alam Sekitar Negara bagi tahun 2021 peringkat negeri Melaka dan sambutan Hari Kemerdekaan.

Program yang dicadangkan akan mengikut ketetapan SOP yang telah ditetapkan oleh MKN dan KKM bagi mencegah penularan wabak Covid-19.

#KementerianAlamSekitarDanAir

#JabatanAlamSekitar

#jasnegerimelaka

#AlamSekitarTanggungjawabBersama